



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.1/ 2018

ANGGOTA RELA BUKAN KATEGORI PENGUNDI POS

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ingin memberi penjelasan berhubung dengan dakwaan pihak tertentu kononnya terdapat hampir empat (4) juta orang pengundi pos akan mengundi pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) akan datang dan sebahagian besar daripadanya merupakan anggota Ikatan Relawan Rakyat (RELA) yang disalah erti sebagai termasuk dalam kategori anggota Sukarelawan Simpanan Polis DiRaja Malaysia (PVR). Dalam hal ini SPR ingin menegaskan bahawa dakwaan tersebut adalah tidak benar dan berniat untuk mengelirukan rakyat.
2. Di bawah Perkara 3(1) hingga (4) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003, menetapkan bahawa mana-mana warganegara yang telah mendaftar sebagai pemilih boleh mengundi secara pos dengan syarat mereka perlu tergolong di dalam salah satu daripada kategori yang ditetapkan oleh SPR.
3. Sehingga PRU Ke-13, SPR menetapkan beberapa kategori pengundi dalam negara yang boleh memohon untuk menjadi pengundi pos iaitu anggota tentera dan anggota polis yang tidak dapat hadir semasa Hari Pengundian Awal. Manakala petugas media dan petugas pilihan raya yang bertugas di luar bahagian pilihan raya mereka berdaftar juga diberikan kemudahan mengundi secara pos. Bagi kategori pemilih di luar Negara pula, mereka yang terdiri kakitangan awam yang berkhidmat di

luar Negara dan pasangan, pelajar sepenuh masa yang belajar di luar Negara dan pasangan, dan rakyat Malaysia yang disenaraikan sebagai Pengundi Tidak Hadir juga diberikan kemudahan pengundian secara pos.

4. Baru-baru ini SPR juga telah mewartakan beberapa kategori tambahan yang diberikan kemudahan untuk mengundi secara pos melibatkan anggota-anggota keselamatan, kesihatan dan perkhidmatan yang bertugas pada Hari Mengundi sahaja atas justifikasi bahawa anggota yang terbabit merupakan pemilih yang tidak dapat meninggalkan tugas mereka pada hari mengundi demi memastikan aspek keselamatan, kesihatan dan perkhidmatan kepada rakyat terjamin.

5. Pewartaan kategori-kategori tambahan itu telah dibuat oleh SPR melalui warta pada 23 Oktober 2017 dan 13 Disember 2017 berdasarkan kepada Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2013. Kategori-kategori berkenaan adalah seperti berikut:

- i. anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM),
- ii. anggota dan petugas kesihatan (hospital dan klinik kerajaan sahaja),
- iii. anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM),
- iv. anggota Jabatan Penjara Malaysia,
- v. anggota Sukarelawan Simpanan Polis DiRaja Malaysia (PVR).
- vi. anggota Jabatan Imigresen Malaysia (JIM),
- vii. anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM),
- viii. anggota Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan;
- ix. petugas Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang bertugas di Pusat Transformasi Bandar (UTC) sahaja.

6. Untuk pengetahuan semua, kemudahan pengundian pos yang diberikan kepada kategori-kategori pemilih berkenaan bukanlah secara automatik kepada semua anggota-anggota berkenaan tetapi ianya hanya tertakluk kepada anggota-anggota yang dikehendaki menjalankan tugas pada Hari Mengundi dan mereka hendaklah memohon sebagai pengundi pos dengan perakuan oleh Ketua Jabatan masing-masing apabila tempoh permohonan dibuka oleh SPR melalui pemakluman rasmi. Mereka yang tidak memohon adalah tidak layak untuk mengundi sebagai Pengundi Pos.

7. Jumlah sebenar anggota-anggota dalam kategori-kategori yang terlibat dengan pengundian secara pos ini hanya dapat diketahui secara tepat setelah permohonan itu dibuka dan diterima. SPR akan menyemak semua permohonan undi pos itu bagi memastikan hanya mereka yang layak sahaja sebagaimana dalam warta diberi kemudahan pengundian pos.

8. Dalam warta yang bertarikh 23 Oktober 2017 jelas bermaksud bahawa hanya anggota Sukarelawan Simpanan Polis DiRaja Malaysia (PVR) yang diperaku oleh majikannya bahawa ia kena menjalankan tugas pada Hari Mengundi sahaja diberikan kemudahan tersebut. Anggota PVR ini adalah yang dilantik di bawah seksyen 35 Akta Polis 1967. Sehubungan dengan itu, adalah jelas bahawa anggota RELA bukanlah dalam kategori yang sama dengan PVR dan tidak termasuk dalam warta pemberitahuan kategori undi pos berkenaan.

9. Selain itu, SPR juga ingin menjelaskan berhubung kecurigaan pihak berkenaan tentang keselamatan peti undi pos dan peti undi awal kononnya berlaku manipulasi serta penyelewengan undi pos dan undi awal semasa

PRU ke-13. Tuduhan itu adalah berdasarkan andaian semata-mata dan bertujuan mengelirukan rakyat. Dalam PRU ke-13 yang lepas, pihak yang berkepentingan telah membuat petisyen pilihan raya terhadap SPR dan isu-isu yang dibangkitkan itu juga telah diputuskan oleh Mahkamah Pilihan Raya sebelum ini dan tiada pembuktian sedemikian di mahkamah.

10. Untuk pengetahuan umum peti undi awal akan disimpan di lokap polis sebaik sahaja pusat-pusat mengundi awal ditutup. SPR dengan kerjasama PDRM sentiasa memastikan keselamatan peti undi berkenaan terjamin dengan membuat pemantauan terperinci ke atas semua peti undi awal tersebut. SPR tidak pernah melaksanakan amalan atau tindakan yang bertentangan dengan peruntukan pilihan raya sedia ada dan sentiasa menjalankan tanggungjawabnya dengan telus dan saksama dalam semua tindakan.

11. Mengenai saranan supaya SPR mengamalkan pengiraan undi awal pada hari yang sama selepas pengundian sepertimana yang dilakukan oleh Negara lain, SPR berpandangan ianya adalah tidak praktikal kerana ia akan mempengaruhi pola pengundian pada Hari Mengundi. Jika sebahagian keputusan telah diketahui lebih awal ia dikhuatiri akan mempengaruhi sentimen sesetengah pihak dan akan menjejaskan pola pengundian. Bahkan sela hari selama dua hari sebelum Hari Mengundi juga dikhuatiri akan menggalakkan berlakunya situasi di luar kawalan terutama dalam aspek salah laku kempen dan keselamatan awam.

12. SPR komited akan mengendalikan PRU14 dengan telus dan saksama serta tidak akan berkompromi dengan sebarang unsur yang menyalahi peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Pilihan Raya. SPR juga memberi jaminan bahawa setiap undi adalah

rahsia dan pemilih bebas untuk menentukan pilihan mereka. SPR juga menyelar dakwaan tidak berasas yang dibuat oleh pihak tertentu tanpa fakta yang sahih dan menganggap ianya berniat mengelirukan rakyat disaat menjelang PRU14.

Sekian, terima kasih.

`SELAMAT TAHUN BARU 2018`

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

PUTRAJAYA

Tarikh: 2 Januari 2018